



09 JUL, 2024

Kegiatan edar barang seludup RM2.44j tumpas

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kegiatan edar barang seludup RM2.44j tumpas



Wan Jamal menunjukkan lori yang digunakan untuk kegiatan pengedaran dan penjualan barang seludup selepas sidang media di Bahagian Penguatkuasaan JKDM Kelantan di Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan kegiatan pengedaran dan penjualan barang seludup, membabitkan nilai RM2.44 juta menerusi Operasi Darat dalam tempoh seminggu sehingga Jumaat lalu.

Hasil operasi yang dilakukan di sekitar Gua Musang dan Jeli membabitkan 17 kes itu membawa kepada penangkapan seramai 15 individu, termasuk tiga warga asing berusia antara 20 hingga 49 tahun.

Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long, berkata antara barang yang dirampas ialah rokok, arak, beras, diesel dan mercun.

Katanya, rampasan rokok yang terbesar iaitu 3.23 juta batang membabitkan nilai termasuk cukai sebanyak RM2.38 juta.

"Rampasan rokok dilakukan di Lebuhraya Timur Barat dekat Jeli pada 2 Julai lalu jam 3.40 petang. Rampasan dilakukan

hasil risikan kastam dengan kerjasama polis.

"Menerusi rampasan itu, kita menahan seorang lelaki tempatan berusia 30-an yang dipercayai dalam perjalanan membawa bekalan terbabit ke Perak," katanya di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Wan Jamal berkata, modus operandi yang digunakan ialah membawa masuk barang terbabit dari negara jiran melalui Sungai Golok atau pesisir pantai.

"Barang terbabit akan dimuat menggunakan sampan atau bot, sebelum diedar menggunakan lori atau kereta untuk pasaran Kelantan dan luar Kelantan.

"Modus operandi bagi minuman keras pula ialah membeli dengan pengedar tempatan secara haram, sebelum dijual secara runcit kepada penduduk tempatan atau warga asing," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 135 Akta Kastam 1967.



09 JUL, 2024

Kegiatan edar barang seludup RM2.44j tumpas

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Wan Jamal menunjukkan lori yang digunakan untuk kegiatan pengedaran dan penjualan barang seludup selepas sidang media di Bahagian Penguatkuasaan JKDM Kelantan di Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan kegiatan pengedaran dan penjualan barang seludup, membabitkan nilai RM2.44 juta menerusi Operasi Darat dalam tempoh seminggu sehingga Jumaat lalu.